

Tinggal tangga batu sahaja

HORIZAN METRO (20/12/2021) M/S 11

Keluarga pilu rumah pusaka ibu bapa musnah dihanyut arus deras banjir semalam

Oleh Muhammad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Hulu Langat

Hati mana tidak sedih melihat rumah pusaka ibu bapanya hanya tinggal tangga batu selepas rumah itu dihanyutkan banjir awal pagi semalam.



Tiada apa dapat digambarkan oleh Rodiah Mahfuz, 56, sebaik dimaklumkan rumah pusaka ibu bapanya di Batu 18, Kampung Jawa di sini musnah dinaiki air akibat hujan lebat sejak kelmarin.

Katanya, rumah itu didiami kakak sulungnya, Rohana Mahfuz, 75, yang memaklumkan paras air mula naik di rumah itu pada jam 12 tengah malam kelmarin.

Menurutnya, orang kampung menasihati Rohana untuk mengosongkan rumah itu dan berteduh di rumah ahli keluarga terdekat.

“Saya ada enam beradik termasuk yang tinggal di Salak Tinggi, Bangsar dan Melaka. Kakak sulung tinggal seorang diri di rumah itu kerana ibu bapa sudah meninggal dunia.

“Nasib baik tengah malam semalam kakak sempat keluar menggunakan kereta ke rumah saudara dekat kawasan berkenaan. Namun, dokumen seperti kad pengenalan, perabot dan barangan lain tidak sempat diselamatkan kerana keadaan banjir yang sudah teruk,” katanya.



DUA gambar menunjukkan keadaan rumah pusaka keluarga Rodiah di Batu 18, Kampung Jawa, Hulu Langat yang musnah dibawa arus dalam kejadian banjir.



Nasib baik kakak sempat keluar menggunakan kereta ke rumah saudara dekat kawasan berkenaan. Namun, dokumen seperti kad pengenalan, perabot dan barangan lain tidak sempat diselamatkan”

Rodiah

Katanya, dia mendapat maklumat rumah itu hanyut daripada ahli keluarga lain pada jam 10 pagi semalam sebelum meminta saudara dekat kawasan berkenaan tinjau rumah itu yang kemudian mengesahkan ia sudah musnah dengan tinggal hanya tangga.

“Rumah itu pernah mengalami kerosakan teruk akibat banjir 30 tahun lalu, namun tidak pernah musnah hingga dihanyutkan seperti yang terjadi awal pagi tadi (semalam).

“Kali ini rumah tinggal tangga sahaja. Nasib baik ada penduduk yang sentiasa mengambil berat keadaan jiran masing-masing bagi membolehkan kakak sulung keluar rumah sebelum ia dihanyutkan.

“Tidak sangka sampai rumah hanyut sebab sebelum ini selalu banjir di kawasan rumah sahaja,” katanya.